

Kerjasama bersepadu jana ekonomi

► *UMSKAL dan RTM Labuan jayakan Pesta Tamu Gadang UMSKAL 2015*

UNIVERSITI Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) dan RTM Labuan bergabung tenaga menjayakan Pesta Tamu Gadang UMSKAL Kali Ke-17 2015 pada 13-15 November lalu.

Majlis penutupan yang disempurnakan oleh Ahli Parlimen Labuan Datuk Rozman Isli melabuhkan tirai dengan jayanya pada malam Ahad lalu di Pentas Utama UMSKAL.

Turut hadir pada majlis penutupan itu ialah Pengarah UMSKAL Prof Madya Dr Murnizam Haji Halik, Timbalan Pengarah Jabatan Penyiaran Labuan Mohd Zam Ali dan Pengarah Jabatan Penyiaran Sabah Haji Ali Ngasio.

Hadir sama, Timbalan Pengarah UMSKAL Prof Madya Dr Geoffrey Harvey Tanakinjal, Pengarah Urusan Labuan Liberty Port Management (LLPM) Dato' Sri Mohd Alias Abd Rahman dan isteri Datin Sri Norsiah Abdullah serta penerbit program Karnival Edidih Bedudun Kitani Salbiah Ajis.

Persembahan tarian oleh pelajar UMSKAL Wan Rull



ROZMAN (tengah) menerima cenderamata daripada Murnizam diperhatikan Mohd Zam (kanan).



MOHD Zam (kanan) memerhatikan Rozman (dua kanan) menyampaikan hadiah telefon bimbit kepada pengunjung bertuah.

Magic Puppet, artis Mark Adam, pentomin selebriti Labuan FM, tarian dan nyanyian serta persembahan gambus dari Sabah dan Sarawak memeriahkan lagi majlis penutupan yang bermula jam 8 malam itu.

Dalam ucapannya, Rozman yang juga pengerusi Perbadanan Labuan mengucapkan tahniah dan syabas kepada UMSKAL dan RTM Labuan kerana bergabung tenaga menjayakan program Pesta Tamu Gadang UMSKAL 2015.

Katanya, kerjasama pintar antara kedua-dua organisasi penting itu berjaya membantu pihak berkuasa tempatan (PBT) menarik lebih ramai pelancong dari dalam dan luar negara ke Wilayah Persekutuan Labuan.

Beliau berkata, kehadiran peserta dari Sabah, Sarawak, Brunei dan Semenanjung Malaysia selain peserta Labuan telah membantu menjana ekonomi dan merancakkan lagi industri pelancongan tempatan.

Malah katanya, Pesta Tamu Gadang UMSKAL telah diangkat antara acara yang berprestij dalam kalendar pelancongan Labuan sekaligus membuktikan komitmen jabatan dan agensi kerajaan, swasta, badan bukan kerajaan (NGO) serta penaja dalam memastikan program



PERSEMBAHAN tarian oleh pelajar UMSKAL menampilkan tarian etnik 1Malaysia.



PERSEMBAHAN nyanyian selebriti Edidih Bedudun Kitani Labuan FM.

tahunan itu berjalan lancar sepertimana yang dirancang lebih awal lagi.

"Kerjasama padu UMSKAL dan RTM Labuan berjaya menarik ramai peserta ke Pesta Tamu Gadang UMSKAL 2015. Saya yakin program tahunan itu mampu menjana ekonomi dan industri pelancongan Wilayah Persekutuan Labuan selain memperkenalkan UMSKAL ke persada nasional," katanya.

Sementara itu, Murnizam berkata kelancaran program Pesta Tamu Gadang UMSKAL pada tahun ini adalah kerana komitmen dan hasil kerja keras semua pihak terutama daripada RTM Labuan, Labuan FM dan RTM Sabah.

Katanya, UMSKAL berasa bangga kerana dapat bekerjasama dengan RTM Labuan menganjurkan Pesta Tamu Gadang yang bertujuan memperkenalkan lagi UMSKAL kepada

masyarakat setempat dan luar Labuan.

Beliau juga yakin penganjuran Pesta Tamu Gadang itu berjaya membimbing lebih ramai individu terutama pelajar UMSKAL untuk menjayakan satu program berskala besar selain menimba pelbagai ilmu dan pengalaman sepanjang acara itu diadakan.

"Pesta Tamu Gadang UMSKAL berjaya menghimpunkan ramai peserta dari dalam dan luar Labuan serta pengunjung yang bukan untuk memeriahkan acara yang diadakan tetapi juga mengenali UMSKAL dengan lebih dekat lagi sebagai institusi pengajian tinggi awam (IPTA) yang unggul di Wilayah Persekutuan Labuan," katanya.

Dalam ucapan alu-aluannya pula, Mohd Zam berkata penganjuran Karnival Edidih Bedudun Kitani Labuan FM mahu

memartabatkan adat dan budaya masyarakat Brunei dan Kedayan kepada orang ramai termasuk pelajar UMSKAL yang datang dari seluruh negara dan luar negara dengan mengenali tarian, nyanyian, bahasa, pakaian dan makanan masyarakat berkenaan.

Katanya, Labuan FM sentiasa berusaha memperkenalkan adat dan budaya masyarakat setempat kepada orang ramai khususnya pendengar setia stesen radio itu selain memberikan publisiti kepada pelbagai program anjuran agensi kerajaan, swasta dan NGO.

"RTM Labuan dan Labuan FM mahu pendengar dan penonton mengetahui peranan kami memartabatkan adat dan budaya masyarakat tempatan serta memberikan promosi pelbagai aktiviti di Wilayah Persekutuan Labuan," katanya.

Mohd Zam mengucapkan

terima kasih kepada semua pihak terutama penaja, agensi kerajaan, swasta, NGO serta pengunjung yang menjayakan Pesta Tamu Gadang UMSKAL 2015 - RTM Labuan pada tahun ini.

"Program RTM Labuan dan Labuan FM tidak akan berjaya tanpa sokongan semua pihak. Kami berharap kerjasama itu akan berterusan pada masa akan datang," katanya.

Sementara Murnizam merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada semua ahli jawatankuasa (AJK) penganjur dalam kalangan kakitangan dan pelajar UMSKAL yang bertungkus-lumus sejak beberapa bulan lalu bagi memastikan program tahunan itu berjalan lancar dan mencapai objektifnya.

"Ucapan terima kasih dan penghargaan juga saya tujukan kepada semua penaja dan penyumbang wang tunai dan hadiah serta kerjasama pelbagai pihak dalam menjayakan Pesta Tamu Gadang UMSKAL pada tahun ini," katanya.

Sepanjang tiga hari pesta itu diadakan, pengunjung berpeluang membeli pelbagai barangan, pameran agensi kerajaan dan swasta serta gerai jualan yang membantu menambah pendapatan peniaga tempatan.

Pesta Tamu Gadang UMSKAL 2015 - RTM Labuan berjaya mengeratkan lagi hubungan silaturrahim antara pelbagai pihak sama ada dari dalam mahupun luar Labuan.



PERSEMBAHAN Wan n Rull Puppet bersama DJ Shima (kanan).



PERSEMBAHAN nyanyian, tarian dan gambus dari Menumbok, Sabah.



PENTOMIN selebriti Edidih Labuan FM menghiburkan ribuan penonton.



SEBAHAGIAN penonton yang menyaksikan Karnival Edidih Bedudun Kitani sempena Pesta Tamu Gadang UMSKAL 2015.



PERSEMBAHAN tarian memartabatkan kebudayaan masyarakat Brunei dan Kedayan.